

27/9/2016

Mayat lelaki ditemui dengan kesan terbakar

SHAH ALAM - Mayat lelaki warga Bangladesh dijumpai dengan kesan terbakar pada seluruh badan di Lorong Pantai Kelanang, di sini, malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Zailan Tasir berkata, mangsa, Syaiyad Ali ditemui tertiarap di atas jalan oleh orang awam, kira-kira jam 11.45 malam.

Beliau berkata, dua saksi kejadian memberitahu polis, mereka terlihat api ketika melalui kawasan berhampiran pesisir pantai berkenaan sebelum menjumpai mayat lelaki itu yang telah terbakar.

"Hasil pemeriksaan menunjukkan mangsa berumur lingkungan 40-an itu hampir 100 peratus terbakar, namun ada kesan luka pada belakang badan dan dahi dipercayai dipukul menggunakan objek tajam.

"Polis tidak menolak kemungkinan mangsa dibunuh di tempat lain, sebelum mayatnya dibawa ke kawasan pantai berkenaan untuk dibakar bertujuan memusnahkan bukti," katanya, semalam.

Zailan berkata, pemeriksaan lanjut mendapati mangsa memakai cincin pada kedua-dua jari manis. Dompot berisi pasport miliknya, selain dua keping wang RM20 dan RM10 dijumpai di dalam poket baju hadapan yang turut terbakar.

Menurutnya, satu penutup botol minyak pelincir kenderaan, turut dijumpai berhampiran tempat kejadian dan polis percaya ia daripada bekas bahan yang digunakan suspek untuk membakar mangsa.

"Polis sedang menyiasat motif kejadian dan gerakan memburu suspek giat dijalankan," katanya. - *Bernama*